

BERITA HARIAN

DATE: 08 / 09 / 2007

Belanjawan rangsang pertumbuhan ekonomi

BH- 8/9/2007

Bajet untuk capai Misi Nasional, bukan kerana pilihan raya: Najib

BAJET 2008

Beliau berkata, bajet itu juga memberi tumpuan kepada faktor amat penting, iaitu pembangunan modal insan yang diberi keutamaan dalam lima teras Misi Nasional.

"Bajet kali ini memberi banyak insentif dan peruntukan tambahan kepada pembangunan modal insan," katanya pada sidang media selepas pembentangan Bajet 2008 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Najib berkata, bajet itu juga selaras usaha kerajaan menyediakan pendidikan percuma, yang kini menjadi kenyataan apabila yuran sekolah rendah dan menengah dimansuhkan dan skim bantuan buku teks diperluaskan tanpa mengira pendapatan.

“Bonus (kakitangan kerajaan) tidak semestinya diumumkan dalam bajet”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

"Bererti, sekarang ini sepatutnya tiada alasan untuk sesiapa tercicir daripada sistem pendidikan negara kita atas masalah kemiskinan melainkan mereka sengaja mahu berhenti dari sekolah," katanya.

Beliau berkata, pengumuman dalam bajet itu melengkapkan dua konsep, iaitu pendemokrasian pendidikan dan pendidikan percuma yang disediakan kerajaan, termasuk pertambahan peruntukan untuk biasiswa serta insentif pendidikan sepanjang hayat.

Ketika ditanya mengapa tiada bonus untuk kakitangan kerajaan dalam Bajet 2008, Najib berkata: "Tidak semestinya semua atau segala-galanya diumumkan dalam bajet... jika apa-apa lagi yang kita fikirkan patut, kerajaan boleh beri pertimbangan dan pengumuman pada waktu lain."

Katanya, pembentangan bajet itu bukan bermakna apa yang dibuat oleh kerajaan akan terhenti.

Ditanya sama ada ini bermakna masih ada harapan bagi kakitangan kerajaan menerima bonus, beliau berkata: "Tunggu dulu."

Najib berkata, kerajaan boleh menimbangkannya bila perlu, tetapi harus diingat bahawa perbelanjaan kerajaan sudah pun bertambah RM8 bilion untuk membayar dan memberi kenaikan gaji kepada kakitangan awam, termasuk menambah elauan kos sara hidup (Cola) Julai lalu.

Beliau turut menolak tanggapan bajet itu adalah bajet pilihan raya kerana ia dirumus berasaskan hasrat untuk mencapai Misi Nasional yang ditetapkan.

Mengenai ketiadaan penurunan cukai individu, Najib berkata, kerajaan tidak boleh memberi pengecualian terlalu banyak kerana hasil kerajaan mesti diberi perhatian kerana program pembangunan yang hendak dilaksanakan besar.

"Jika tiada punca pendapatan, kita akan menghadapi masalah untuk membiayai program kerajaan. Kita juga nak mengurangkan defisit kerajaan daripada 3.2 peratus kepada 3.1 peratus tahun depan, kita harap penarafan yang diberi kepada negara kita akan bertambah baik," katanya.